

## **Usahawan tani muda perlu transformasi minda**

KEJAYAAN usahawan tani muda mampu menggamt dan melahirkan lebih ramai belia untuk menerokai dunia pertanian. Scenario ini dapat membantu negara menangani masalah berkaitan pengangguran serta isu sekuriti makanan.

Usahawan tani muda yang mengaplikasikan kaedah lebih moden, berinovasi dan berteknologi adalah 'contoh teladan' yang boleh memberi inspirasi dan dijadikan panduan serta rujukan kepada usahawan tani muda di negara ini, untuk memula dan melakarkan kejayaan dalam dunia pertanian.

Kehadiran teknologi baharu dalam sektor pertanian berupaya memacu inovasi dalam meningkatkan kualiti produk dan jumlah pengeluaran bagi memenuhi keperluan rakyat dan permintaan pasaran, sekali gus menjana keuntungan maksimum kepada usahawan tani muda.

Jadi, landskap pertanian daripada dipelopori oleh golongan berusia yang kurang kemahiran teknologi dan mundur kepada petani moden generasi kedua dan kompetitif perlu segera ditransformasikan.

Kejayaan dalam sektor pertanian perlu dipertingkatkan bagi melonjakkan minat golongan belia untuk meneroka dunia penanaman, penternakan, perikanan, perhutanan, pembalakan serta industri asas tani.

Bukan sekadar menimbulkan minat, tetapi menceburi dan seterusnya menempa kejayaan dengan mengorak langkah mengembangkan lagi perusahaan pertanian, sama ada pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Mereka perlu mengubah fikiran daripada job seekers (pencari kerja) kepada job creators (pencipta kerjaya).

Malangnya, hingga ke hari ini sektor pertanian masih terkebelakang dan majoritinya menjadi tumpuan golongan berusia dan berkemahiran rendah. Malah, di sebalik impak positif yang disumbangkan oleh sektor pertanian dalam pelbagai aspek, terutama ekonomi dan sosial, kadar kejayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pertanian adalah pada tahap kurang menyerlah dan memuaskan.

Tambahan pula, kadar pertumbuhan sektor pertanian adalah sederhana, iaitu 3.7 peratus berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, Prestasi Ekonomi Malaysia Suku Tahun Ketiga 2019.

Lebih-lebih lagi, laporan Global Entrepreneurship Monitor (GEM) bagi 2015/16 dan 2016/17 menunjukkan penurunan jumlah pembukaan perusahaan atau perniagaan baharu dalam sektor pertanian, terutama dalam ekonomi berpandukan inovasi.

Tambah membimbangkan lagi, ramai usahawan tani muda yang gagal untuk bertahan dalam tempoh tiga hingga lima tahun pertama selepas perusahaan ditubuhkan.

Cabaran utama perlu ditangani segera bagi menggapai peningkatan kejayaan dalam kalangan usahawan tani muda adalah mengubah persepsi dan 'mind' mereka. Golongan ini menterjemahkan sektor pertanian sebagai kotor, kasar, sukar, berbahaya, berpendapatan tidak lumayan, tidak popular dan tidak dapat menjanjikan masa depan yang cerah.

Jadi, senario ini perlu diubah - sektor pertanian sebenarnya adalah lubuk rezeki kepada golongan belia, terutama siswazah menganggur.

Oleh itu, kejayaan dalam sektor pertanian khususnya dalam kalangan usahawan tani muda perlu dipertingkatkan bagi melonjakkan sumbangan optimum kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Hingga hari ini, Malaysia terlalu bergantung kepada produk berasaskan pertanian yang diimport. Sudah tiba detiknya golongan belia, terutama siswazah membabitkan diri dalam ekosistem pertanian dan bergelar usahawan tani muda yang berteknologi dan berinovasi.

Tambahan pula, kegagalan dalam sektor ini akan memberi kesan negatif kepada aspek keselamatan makanan negara.

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/09/864283/usahawan-tani-muda-perlu-transformasi-minda>